

Dua rumah musnah terbakar

Nor Khalilah Gusti Hassan

2 Ogos 2017

Sumber : <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/dua-rumah-musnah-terbakar-1.712593>



Dari kiri: Mohamad Arshad, Asa'adatul Jannah dan Khadijah (Kanan) di hadapan rumah mereka yang musnah terbakar.

MARAN - Dua keluarga tinggal sehelai sepinggang selepas rumah mereka musnah dalam kejadian kebakaran di Kampung Pesagi, Chenor, di sini, semalam.

Kejadian kira-kira jam 12.50 tengah hari itu turut menyebabkan sebuah kereta jenis Perodua Kancil dan motosikal jenis Demak musnah terbakar.

Ketua Polis Daerah Maran, Deputy Superintenden Mazlan Hassan berkata, bagaimanapun kebakaran melibatkan dua buah rumah yang terletak bersebelahan itu tidak menyebabkan kemalangan jiwa atau kecederaan.

"Berdasarkan siasatan awal, saksi yang merupakan pemilik rumah ketika itu sedang berada di dapur untuk memasak melihat api marak di bahagian

dinding di ruang tamu dan merebak hingga ke siling. Ketika itu tiga anaknya berada di dalam bilik dan bertindak menyelamatkan diri bersama anaknya.

"Api kemudiannya merebak dengan cepat ke rumah bapa saudara mangsa terletak bersebelahan yang tidak berpenghuni pada masa kejadian,"katanya di sini, hari ini.

Menurut Mazlan, akibat kejadian itu rumah yang 90 peratus dibuat daripada kayu tersebut bersama barang-barang musnah sama sekali.

Beliau memberitahu, siasatan awal mendapati punca kejadian dipercayai akibat litar pintas dan jumlah kerugian masih dalam siasatan.

Dalam pada itu, Komander Operasi Kanan, Penolong Kanan Penguasa Bomba, Mohd Arshad Abdullah berkata, tiga jentera bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Maran dan Balai Bomba dan Penyelamat Temerloh bergegas ke tempat kejadian selepas menerima panggilan pada jam 12.57 tengah hari.

Menurutnya, bomba yang tiba di tempat kejadian kira-kira jam 1.27 petang berjaya memadam kebakaran sepenuhnya 15 minit kemudian.

Rumah yang terbakar dihuni guru Kafa Sekolah Kebangsaan Kuala Wau, Asa'adatul-Jannah Rahman, 39 manakala sebuah lagi dihuni pekerja sebuah pasaraya di Temerloh. Khadijah Abd Ghani, 22.

"Anggaran kerugian rumah bernombor 35A adalah lingkungan RM200,000 manakala rumah bernombor 36 lingkungan RM150,000," katanya.